

21 FEB 2000

Hamid-Indonesia

DR MAHATHIR SECARA RASMI DIUNDANG LAWAT INDONESIA

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi diundang oleh Presiden Abdurrahman Wahid untuk melawat Indonesia.

Undangan itu disampaikan sendiri oleh Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab kepada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Sejurus selepas tiba di sini dari Jakarta pagi tadi, Alwi mengunjungi rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra di sini.

"Ini prosedur luarbiasa kerana Menteri Luar sendiri menyampaikan undangan itu. Ia jelas menunjukkan hubungan yang akrab antara kedua-dua negara dalam semua aspek," kata Syed Hamid pada persidangan media selepas pertemuan selama 45 minit dengan Alwi.

Syed Hamid berkata pelawaan lawatan itu ialah susulan pertemuan antara kedua-dua pemimpin semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) di Bangkok baru-baru ini dan berharap ia akan memperkukuhkan hubungan dua hala.

Alwi berkata sudah tiba maanya bagi memperbaharui hubungan antara kedua-dua negara dan pemimpin sambil berkata Jakarta telah lama menunggu bagi Dr Mahathir melawat negara itu.

Alwi berkata kedatangannya membawa jemputan ini bukanlah sesuatu yang biasa kerana ia selalunya dihantar menerusi saluran diplomatik dan ini merupakan petanda Presiden Abdurrahman menaruh penghormatan yang tinggi kepada Dr Mahathir.

"Ini tanda hubungan tradisional yang jauh berbanding negara-negara lain. Hubungan persaudaraan ini perlu kita kukuhkan selalu," katanya.

Ia juga susulan kepada lawatan Abdurrahman ke Malaysia pada November tahun lepas, kira-kira dua minggu selepas dipilih sebagai presiden.

Katanya, pihaknya menyedari Dr Mahathir agak sibuk dengan pilihan raya umum sebelum ini dan menganggap lawatan akan datang nanti lebih bermakna kerana Perdana Menteri telah mendapat mandat baru daripada rakyat.

"Rakyat Malaysia masih sayang kepada Dr Mahathir...kami menghormati keputusan ini, sejalan dengan apa yang diharapkan dan sesuai dengan amalan demokrasi," katanya.

Alwi berkata Indonesia berharap lawatan Dr Mahathir nanti membolehkan beliau melihat dengan lebih dekat sumbangan yang boleh diberikan untuk membantu memulihkan ekonomi Indonesia.

Katanya, Malaysia tidak pernah meninggalkan Indonesia sewaktu krisis dan Indonesia mahu belajar dari jirannya bagaimana mengatasi krisis ekonomi.

"Indonesia melihat kepimpinan Dr Mahathir sebagai sesuatu yang perlu dicontohi. Beliau betul-betul prihatin terhadap rakyat dan memajukan negara tanpa mengikuti cara-cara konvensional," katanya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir telah memberitahu Wisma Putra sebelumnya supaya membuat persiapan untuk beliau melawat Indonesia dengan secepat mungkin.

"Ia cuma lawatan biasa tetapi lawatan itu lebih penting sekarang berikutan perkembangan sekarang. Kita telah keluar daripada krisis ekonomi dan mereka pula sedang menuju ke arah itu," kata beliau.

Kepada satu soalan, Syed Hamid berkata isu Aceh tidak dibincangkan dalam pertemuannya dengan Alwi sambil berkata isu itu ialah masalah Indonesia.

-- BERNAMA
AR FAZ